

# PERATURAN & TATATERTIB DI ASRAMA

## 1. Peraturan Am;

- 1) Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berkumpul untuk 'Morning Call' di asrama masing-masing selewat-lewatnya pada pukul 6.15 pagi.
- 2) Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik termasuk waktu rehat.
- 3) Pelajar hendaklah menyusun dan mengemaskan bilik dan tempat tidur sebelum keluar ke kawasan akademik pada setiap masa.
- 4) Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari, dan alatan lain tidak boleh diubah tanpa kebenaran Ketua Guru Asrama/Penolong Pegawai Tadbir Asrama/Timbangan Pengetua Hal Ehwal Pelajar/Pengetua.
- 5) Para pelajar hendaklah bekerjasama menjaga kebersihan tempat tidur, bilik, surau dan kawasan persekitaran asrama. Sampah sarap hendaklah dibuang ke dalam tong sampah yang disediakan.
- 6) Para pelajar dilarang sama sekali membawa balik ke asrama sebarang makanan atau peralatan dapur. Hanya makanan kering sahaja dibenarkan di bawa balik ke asrama.
- 7) Pelajar-pelajar tidak dibenarkan menyimpan atau memiliki barang-barang yang berbahaya seperti pisau, cangkul, racun, asid dan sebagainya di asrama. Barang berharga seperti emas permata juga tidak dibenarkan.
- 8) Pelajar-pelajar dilarang keras memiliki/menyimpan rokok dan vape atau merokok . Pelajar juga diharamkan memiliki/menyalahgunakan dadah serta menyimpan minuman keras di dalam asrama atau persekitaran asrama.
- 9) Pelajar-pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja-pekerja di asrama dan tidak boleh dengan cara apa sekalipun menghalang tugas mereka.
- 10) Sebarang bahan-bahan lucah secara media cetak dan media elektronik diharamkan dibawa ke asrama.
- 11) Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di dalam asrama Maktab.
- 12) Semua ketua blok keluar lewat untuk memastikan suis lampu bilik asrama ditutup.
- 13) Pelajar mesti keluar dari kawasan asrama semasa prep petang dan malam.
- 14) Para pelajar yang sakit/demam tidak dibenarkan berada di bilik/asrama semasa para pelajar lain menjalankan aktiviti formal.
- 15) Semasa cuti semester/tamat pengajian, semua almari dan bilik di asrama hendaklah dikosongkan.
- 16) Sumber tenaga seperti elektrik dan air hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan. Jimatkan penggunaan sumber di asrama.
- 17) Semua penghuni asrama mesti berada di asrama masing-masing pada atau sebelum pukul 11.15 malam. Waktu 'light off' adalah pada pukul 11.45 malam sehingga 5.00 pagi.
- 18) Semua pelajar hendaklah tidur di katil masing-masing.
- 19) Pelajar yang ingin mengulangkaji pelajaran selepas pukul 11.45 malam boleh menggunakan bilik utiliti mengikut saf masing-masing.
- 20) Pelajar dilarang mengadakan aktiviti di asrama sebelum mendapat kebenaran daripada Pengetua/ Timb. Pengetua/ Ketua Guru Asrama

## 2. Di Bilik Tidur / Kebersihan Di Asrama;

- a) Bilik mestilah sentiasa kemas dan sentiasa bersih.
- b) Kad Asrama (*locker tag*) mestilah dilekatkan di bahagian luar almari.
- c) Barang-barang di atas meja belajar mestilah disusun dengan kemas.
- d) Sampah hendaklah dimasukkan ke dalam bakul sampah.
- e) Cadar dan sarung bantal hendaklah sentiasa dipasang.
- f) Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan diujung katil.
- g) Pakaian yang kering hendaklah dilipat dengan kemas dan disimpan di dalam almari.
- h) Pakaian yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan di luar asrama.
- i) Paip-paip air hendaklah sentiasa ditutuo selepas digunakan.
- j) Dilarang meletakkan buku di tingkap-tingkap asrama pada sebarang waktu.
- k) Kasut, kasut sukan, sandal atau selipar hendaklah disimpan dan disusun di tempat khas yang disediakan.
- l) Selipar Jepun hanya dibenarkan dipakai di bilik air asrama sahaja.
- m) Pakaian yang disidai di ampaian mestilah diangkat setelah kering.
- n) Pakaian yang jatuh hendaklah diambil segera. Jika tidak, pakaian akan diambil oleh pihak pengurusan asrama.
- o) Makanan yang berbau tidak dibenarkan di simpan di dalam bilik.
- p) Syarat pakaian di asrama merujuk kepada kod pakaian.
- q) Sebarang kerosakan peralatan bilik asrama adalah tanggungjawab penghuni bilik.
- r) Pemeriksaan asrama akan dijalankan pada setiap hari pada jam 7.00 pagi.

## 3. Peraturan Lampu Padam;

- a) Lampu mesti dipadamkan pada pukul 11.00 malam.
- b) Pelajar tidak boleh berjalan-jalan, berbual-bual/ keluar asrama selepas lampu padam.
- c) Pelajar dilarang menggunakan telefon pintar untuk tujuan bermain 'game' dan hiburan selepas lampu padam. Sekiranya didapati pelajar berbuat demikian telepon tersebut akan dirampas dan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

## 4. Peraturan penggunaan Surau;

- a) Semua pelajar Islam wajib menunaikan solat fardhu secara berjemaah di surau pada setiap waktu.
- b) Semua pelajar Islam diwajibkan menghadiri ceramah agama yang dianjurkan / dirancang / oleh pihak maktab.
- c) Pelajar bukan Islam mestilah menghormati waktu pelajar Islam sedang menunaikan solat / beribadat / menjalankan aktiviti agama.
- d) Semua aktiviti agama hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Pengetua.
- e) Pelajar dilarang menggunakan telefon pintar ketika berada di surau. Sekiranya didapati pelajar berbuat demikian telepon tersebut akan dirampas dan dikenakan tindakan yang sewajarnya.

## 5. Peraturan di Dewan Selera;

- a) Beratur semasa mengambil makanan. Dilarang potong-memotong.
- b) Sentiasa menjaga kebersihan Dewan Makan. Sisa-sisa makanan hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- c) Sistem 'booking' tidak dibenarkan.
- d) Kerusi hendaklah disusun semula selepas digunakan.
- e) Sentiasa mematuhi peraturan makan di dewan makan yang dikeluarkan oleh maktab dan pihak pengurusan dewan makan dari semasa ke semasa.
- f) Pakaian di dewan makan mestilah mengikut seperti yang ditetapkan dalam peraturan makan malam. (t-shirt berkolar bagi lelaki dan pakaian menutup aurat bagi perempuan)
- g) Pelajar-pelajar dilarang membawa barang-barang/alat-alat dewan dan makanan keluar dari dewan makan.

- h) Tidak dibenarkan masuk ke dapur atau kaunter agihan makanan.
- i) Buku-buku dan peralatan lain hendaklah diletakkan di tempat yang disediakan.
- j) Makan Malam - Pelajar hendaklah berpakaian bersih untuk makan malam. Pelajar tidak dibenarkan memakai pakaian yang kotor kerana peluh, lumpur atau sebagainya semasa makan. **(Melanggar Peraturan Di Atas kesalahan Kategori Sederhana).**

#### **6. Peraturan Makan Di Café**

- a) Tidak dibenarkan makan, membeli, menempah pada waktu persekolahan kecuali waktu rehat pelajar.
- b) Tidak dibenarkan makan, membeli, menempah pada waktu prep.
- c) Tidak dibenarkan mengubah kedudukan kerusi meja di cafe.
- d) Pelajar dilarang membawa atau makan makanan basah ke asrama, kelas dan kawasan akademik.
- e) Pelajar dilarang melepak di cafe selepas pukul 10.00 malam.